

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI  
AHMAD [PARIT SULONG]**

**NO. SOALAN : 79**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sehingga Oktober 2017 berapa ramai bilangan belia yang telah terlibat dalam Program Usahawan Bergerak @Mobilepreneur di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut negeri manakah yang mencatat penglibatan yang paling tinggi.

220

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Program Mobilepreneur@KKLW diperkenalkan pada tahun 2016 dengan matlamat membantu belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui bidang keusahawanan. Sehingga Disember 2016, seramai 500 peserta telah menyertai program ini diseluruh negara dengan peruntukan sejumlah RM5juta

Bagi tahun 2016, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak mencatat penyertaan peserta paling tinggi sebanyak 100 orang peserta pada tiap-tiap negeri, diikuti oleh Negeri Pahang 70 orang dan Negeri Perak 50 orang peserta.

Bagi tahun 2017, Kementerian mensasarkan penyertaan seramai 3,000 peserta diseluruh Negara. Sehingga Oktober 2017, seramai 1,779 peserta telah diberi kelulusan oleh Kementerian.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL DARIPADA RAHIM [BALING]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar yang dibuang sekolah dari tahun 2014 hingga 2016 serta adakah Kementerian mengkaji contoh mekanisme pelaksanaan program-program dalam membendung masalah juvana di kalangan pelajar di negara yang terkenal dengan sistem pendidikan terbaik di dunia seperti Finland.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan statistik yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid, berikut adalah jumlah murid yang dibuang sekolah dari tahun 2014 hingga tahun 2016:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Murid yang Dibuang Sekolah</b>
<b>2014</b>	<b>2206</b>
<b>2015</b>	<b>1349</b>
<b>2016</b>	<b>677</b>

Langkah buang sekolah adalah satu pilihan terakhir yang ada pada pengetua/guru besar dalam usaha untuk membentuk sahsiah diri murid yang telah melakukan salah laku disiplin. Pelbagai sudut pandangan perlu dilihat dan diteliti oleh seseorang pengetua dan guru besar sebelum sesuatu keputusan buang sekolah dijatuhkan demi untuk mengekalkan keharmonian dan keselamatan kesemua murid yang berada dalam tanggungannya.

RT4/80